

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab pertama memberikan gambaran asas dan menyeluruh tentang kajian ini dari segi konsep, hala tuju dan kepentingan dalam bidang akademik. Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai pandangan masyarakat dalam menentukan pendirian politik. Ia akan menerangkan bagaimana sesebuah masyarakat memilih pemimpin parti politik sama ada pemilihan tersebut dibuat berdasarkan hukum syarak atau sebaliknya. Bagi menjamin autoriti dan kualiti kajian ini, maka bab ini membentangkan kaedah-kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Di samping itu juga, bab ini akan menjelaskan ruang lingkup kajian agar dapat memandu kajian ini bagi memenuhi objektif yang telah digariskan.

1.2 Latarbelakang Kajian

Pemilihan pemimpin berdasarkan hukum syarak adalah dituntut dalam Islam. Ini kerana pemimpin mempunyai kedudukan yang tinggi. Penganugerahan yang diberikan oleh syarak ini kepadanya bersesuaian dengan keadaan dan kedudukan serta tanggungjawab mereka yang begitu besar. Syarak menjadikan pemimpin sebagai pengganti Nabi SAW¹ untuk menjaga agama dan membangunkan dunia ini.

Syarak mengangkat martabat pemimpin sehingga ke darjat yang begitu tinggi adalah suatu hikmah yang dapat menyedarkan diri mereka dalam setiap pentadbirannya

¹ Al-'Anbari, Khālid 'Ali Muhammad (1997), *Fiqh al-Siyāsah al-Syar'iyah fī Ḍau' al-Qur'ān wa al-Sunnah wa 'aqwāl Salaf al-'Ummah*, T.P, h. 79

dan seterusnya dapat menggilapnya untuk memastikan matlamat menjaga kemaslahatan rakyat tercapai.

Bagi melaksanakan suatu sistem politik atau pemerintahan yang bercirikan Islam, masyarakat dan negara yang berdasarkan idea undang-undang syariah perlu diwujudkan. Dalam rangka kerja ini, tujuan penubuhan sesuatu sistem politik ataupun pemerintahan dalam Islam ialah bagi melaksanakan undang-undang syariah dan memenuhi kepentingan duniawi masyarakat berdasarkan perintah Allah.

Urusan kepimpinan dan kenegaraan adalah merupakan tanggungjawab keagamaan yang sangat besar dalam Islam. Pemimpin dipertanggungjawabkan ke atasnya amanah untuk mengurus dan mentadbir kerajaan dan negara. Kepentingan ini sangat terserlah lantaran lembaran sejarah memperlihatkan bahawa perkara pertama dilakukan oleh para sahabat selepas wafatnya Rasulullah SAW adalah memilih seorang pemimpin mengganti baginda. Para sahabat menganggap bahawa pemilihan pemimpin itu sangat penting sehinggakan mereka mendahulukannya meskipun pada ketika yang sama, mereka sibuk dengan pengkebumian jenazah Rasulullah SAW. Mereka dengan segera memilih Abu Bakar sebagai pengganti baginda untuk mentadbir seluruh rakyat dan negara.

Pemberian Allah kepada hambanya dengan melantik pemimpin dalam kalangan mereka adalah sebagai dalil kelebihan darjat mereka itu, kerana Allah mengurniakan hambanya dengan perkara yang besar adalah untuk menjelaskan tentang kepentingannya berbanding perkara lain dan juga untuk menunjukkan betapa luasnya rahmat Allah SWT.

Sekiranya terputus ummah daripada imam, nescaya hukum hakam akan terabai dan kebajikan anak yatim tidak terjaga. Sekiranya tidak ada kadi, sultan dan wali-wali, nescaya janda-janda tidak akan berkahwin dan pastinya kebajikan anak-anak yatim terabai. Kalau tidak kerana sultan, nescaya manusia akan berada dalam keadaan kacau bilau dan seseorang akan menyakiti yang lain.

Oleh itu, adalah amat penting bagi masyarakat untuk memahami hukum syarak dalam memilih pemimpin agar pemimpin yang dipilih adalah pemimpin yang baik dan berlandaskan hukum syarak.

1.3 Pengertian Tajuk

i. Politik

Perkataan politik berasal daripada istilah Yunani iaitu “Polis” yang bermaksud Negara bandar.² Merujuk Kamus Dewan, politik memberi makna dua pengertian, iaitu pertama perkara yang bersangkutan dengan hal-hal kenegaraan dan yang kedua bermaksud kebijaksanaan untuk mencapai sesuatu maksud³. Harold Lasswell, seorang Sarjana Sains Politik mendefinisikan Politik sebagai “Pengagihan nilai dalam masyarakat oleh pihak yang berkuasa”⁴

Aristotle memberi ulasan bahawa politik tercipta dalam perjuangan untuk mendapat kehidupan yang sempurna. Ia dilakukan dalam bentuk kumpulan atau pertubuhan. Manakala politik adalah satu kajian yang melibatkan pengaruh seseorang

² Syed Ahmad Hussen (1994), *Pengantar Sains Politik*, Kuala Lumpur: Penerbit Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pengajian Luar Kampus USM, h. 2

³ *Kamus Dewan* (1996), c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

⁴ Harold Lasswell (1950), *Politics: Who Get What, When, How*, New York: Peter Smith Publisher, h.3

dan masyarakat. Tanpa pengaruh dan sokongan, suasana politik tidak mungkin timbul.⁵ Ada sebilangan orang Athen menyebut bahawa politik adalah daripada perkataan *polish* yang membawa erti bandar. Mereka menganggap bahawa dunia ini adalah wilayah mereka sahaja, terutama apabila Athen bergabung dengan kota Sprta, Thesellia, Corynthe, Mylithos dan Samos⁶.

Manakala dalam bahasa Arab, politik disebut sebagai *siyasah*. ‘Abdul Wahhāb Khallāf mentakrifkan *siyasah* ataupun politik sebagai menjalankan pentadbiran awam mengikut batas-batas syariat di dalam sesebuah negara bagi menjamin kepentingan rakyat dan menolak segala keburukan di dalam masyarakat.⁷

Ibnu Qayyim (691-751H) pula mendefinisikan politik sebagai cara untuk mencapai keadilan di dalam sesebuah masyarakat.⁸ Menurut ‘Abdul Rahmān Tāj, penulis buku *al-Siyāsah al-Syar’iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*, politik didefinisikan sebagai hukum-hukum yang mengatur perjalanan pentadbiran dan rakyat. Ianya hendaklah menepati roh syariat dan mencapai objektif kemaslahatan masyarakat walaupun hukum-hukum tersebut tidak disebut secara langsung di dalam al-Quran dan al-Sunnah.⁹

Jelasnya sama ada Islam ataupun Barat meletakkan “Negara” sebagai subjek utama dalam mendefinisikan politik. Apa yang berbeza ialah rujukan dan pelaksanaannya dalam sesebuah negara adalah menurut perspektif dan pemikiran masing-masing.

⁵ *The Encyclopedia American* (1993), Connecticut: Grolier Incorporated, Vol 22, h. 349

⁶ *Ibid.*

⁷ ‘Abdul Wahhāb Khallāf (1987), *al-Siyāsah al-Syar’iyyah*, Beirut: Muassasah al-‘Arabiyah, h. 12

⁸ Ibn Qayyim (1961), *Turuq al-Hukmiyyah*, Kaherah: Muassasah al-‘Arabiyah, h. 10

⁹ ‘Abdul Rahmān Tāj (1985) *al-Siyāsah al-Syar’iyyah wa al-Siyāsah al-Waḍ’iyyah*, Mesir: al-Azhar, h.12

ii. Parti Politik

Perkataan parti berasal dari perkataan latin *pars* yang bererti bahagian. Perkataan parti politik sebenarnya telah didefinisikan oleh ramai sarjana sains politik. Edmund Burke (1729-1791) mendefinisikan parti politik sebagai satu badan masyarakat yang berusaha untuk kepentingan negara tanpa dipengaruhi kepentingan-kepentingan lain.¹⁰ Joseph Schumpeter mendefinisikan parti politik berdasarkan tujuan parti politik itu sendiri iaitu:

“Sekumpulan manusia yang cuba mengatasi kumpulan yang lain bagi mendapatkan kuasa pemerintahan dan untuk terus berkuasa”.¹¹

Yusuf al-Qaradawi ketika membahaskan politik dan kepartian berpendapat bahawa politik dan parti adalah berbeza. Ia mungkin seiring dan mungkin juga terpisah. Seseorang itu mungkin seorang politikus tetapi tidak terlibat dalam kepartian dan seseorang itu juga mungkin terlibat dalam kepartian tetapi ia tidak memahami apa-apa tentang politik¹².

Hasan al-Banna ketika ditanya tentang Jemaah Ikhwan dan politik Mesir, beliau menjawab bahawa Ikhwan tidak terlibat dalam politik secara murahan iaitu dengan tujuan untuk menjatuhkan orang lain dan mengangkat kebaikan dirinya. Namun Ikhwan menyertai politik kerana ia adalah tanggungjawab besar Umat Islam di akhir abad ini.¹³

¹⁰ Lihat Peter B. Harris (1979), *Foundations of Political Science*, London: Hutchison, h. 142-145

¹¹ Joseph Schumpeter (1962), *Capitalism, Socialism and Democracy*, New York: Harper Colophon, h. 279

¹² Al-Qaradāwī, Yūsoff (2001), *Min Fiqh al-Daulah fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 90.

¹³ Hasan al-Banna, *Risālah al-Ṭullāb*, Kaherah: Mus’assah al-Islāmiyyah, h. 91. Lihat juga Yūsof al-Qaradāwī, *Nahwa Wihdah Fikriyyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 68.

Pandangan Hasan al-Banna dan Yusof al-Qaradawi didapati bahawa pemikiran politik Islam meletakkan agama melebihi kepentingan parti sekiranya berlaku pertembungan antara agama dan parti. Umat Islam harus meninggalkan parti dan berpegang kepada agama. Parti tidak membawa apa-apa makna. Ia hanya sekadar kenderaan di mana ia boleh disertai dan boleh ditinggalkannya. Semuanya bergantung kepada sejauh manakah ia mengikuti kehendak agama.

Definisi yang nampak jelas dan menepati realiti parti politik di dalam sesebuah negara ialah definisi yang dibuat oleh Joseph Palombara. Joseph menyifatkan parti politik sebagai sebuah organisasi formal yang bertujuan untuk mendapat dan mengekalkan kuasa jentera kerajaan untuk membuat dan melaksanakan dasar-dasar awam¹⁴. Di sini dapat dikatakan bahawa pengertian politik yang paling sesuai digunakan ialah sebagaimana yang diertikan oleh Ensiklopedia Malaysiana iaitu *proses yang melambangkan gelagat manusia yang sedang bergelut dengan masalah antara kebaikan di antara satu pihak dan keburukan bagi pihak yang lain dan penyelesaiannya adalah membabitkan kuasa*¹⁵.

iii. Asas Politik Islam

Teori politik Islam diletakkan di atas asas yang berbeza dengan teori politik yang lain. Politik Islam adalah bersumberkan al-Quran dan al-Hadis. Ia akan terus berjalan seiring walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Islam meletakkan asas politiknya tersendiri dan mempunyai kelainan daripada politik yang lain. Menurut Muhammad Fārūq al-Nubhah,¹⁶ asas penentuan politik Islam ada empat iaitu:

¹⁴ Joseph La Palombara (1974), *Politics Within Nations*, New Jersey: Prentice Hall, h. 509

¹⁵ *Ensiklopedia Malaysiana* (1995), Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd, Vol 10, h. 464

¹⁶ Seorang pensyarah kanan di Universiti Dār al-Hadīth al-Hasinah di Casabalanca, Maghiribi.

- a) *Al-Ulūhiyyah*, iaitu menjadikan ketuhanan sebagai asas utama. Ia juga dianggap sebagai sumber utama. Asas ini adalah tetap dan tidak akan berubah walaupun masyarakat mengalami perubahan mengikut tempat dan masa.¹⁷ Gambaran yang sama juga disebut oleh Sayyid Qutb (m. 1966 M) katanya: “*Politik adalah tasawwur rabbani (ketuhanan) datang daripada Allah. Ia mempunyai pelbagai keistimewaan yang tersendiri*”.¹⁸
- b) *Al-Tawhīd*. Keesaan Allah juga dianggap sebagai asas yang penting, di mana Tuhan adalah raja segala raja. Ia mempunyai kuasa mutlak, kekuasaannya tidak dipengaruhi oleh apa jua kepentingan. Ia menjadi tempat rujuk bagi segala pertikaian.¹⁹
- c) *Al-Risālah*. Politik Islam ialah politik yang menyambung risalah Nabi SAW. Semua para nabi dan rasul membawa risalah Allah SWT. Tujuan risalah ini adalah untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya iman. Para nabi dan rasul adalah manusia biasa tetapi dimuliakan oleh Allah SWT dengan amanah risalah. Oleh itu, politik Islam adalah mulia dan dihormati kerana ia menjadi penyambung risalah Allah SWT dan mengajak manusia menjauhi kesesatan²⁰.
- d) *Al-Khilāfah*. Politik Islam adalah penyambung tugas kepimpinan Rasul SAW untuk kemaslahatan dunia dan akhirat. Ibn Khaldūn mentakrifkan Khalifah ialah gantian kepada pembawa syariat Rasulullah SAW untuk menjaga agama dan mengurus dunia dengannya²¹.

¹⁷ Muhammad Fārūq al-Nubhah (1958), *Nizām al-Hukm fī al-Islām*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 119

¹⁸ Sayyid Qutb, *Khaṣā’iṣ al-Tasawwur al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Shurūq, h. 45.

¹⁹ Muhammad Fārūq al-Nubhah, *op.cit.*, h. 62

²⁰ *Ibid.*, h. 124

²¹ Ibn Khaldūn (1992), *al-Muqaddimah*, Beirut: Dār-al-Qalam, h. 1991

Menegakkan sistem khalifah adalah wajib mengikut pandangan jumah Ulama kerana umat Islam perlu kepada imam yang adil.²² Pendokong politik Islam mempunyai kewajipan yang besar untuk memastikan sistem khalifah tertegak semula.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut di atas menjadi teras kepada seseorang muslim dalam membuat pendirian politik yang mereka kehendaki kerana apa jua yang diperjuangkan mestilah tidak lari dari prinsip ketuhanan, tujuan risalah dan menegakkan sistem khalifah Islam.

1.4 Permasalahan Kajian

Apabila diumumkan sahaja pilihanraya, rata-rata rakyat Kelantan bercakap tentang politik. Rata-rata mereka menghujahkan bahawa sekiranya Kelantan mahukan kemajuan, BNlah pemangkinnya. Keadaan ini berlainan dengan kawasan yang terpencil yang berhujah yang memihak kepada PAS. Keadaan ini lain di kedai kopi dan lain pula di peti undi. Dari luaran BN yang menang tetapi yang sebenarnya PAS yang dipilih oleh pengundi. Pada pilihan raya tahun 1978, PAS telah kalah teruk dan Kelantan diperintah oleh BN selama 12 tahun. Selepas pilihanraya umum 1990, PAS kembali memerintah Kelantan. Buktinya ialah pilihan raya kecil yang diadakan di Dewan Undangan Negeri Limbongan dan Sungai Pinang pada tahun 1992, Lundang (1994)²³, Parlimen Gua Musang (1995)²⁴, Pulau Chondong (1997)²⁵ yang memihak kepada PAS dan keputusan pilihan raya kecil Semerak pada 11 Ogos 1997²⁶ tidak menyebelahi PAS pula. Lain pula

²² Muhammad Fārūq al-Nubhah, *op.cit.*, h. 128

²³ Keputusan pilihanraya kecil Dun Lundang 1994 menunjukkan PAS menang dengan majoriti 4246

²⁴ Keputusan pilihanraya kecil umum Parlimen Gua Musang 1995 menunjukkan S46 menang dengan majoriti 8,980

²⁵ Keputusan pilihanraya kecil Dun Pulau Chondong 1997 menunjukkan PAS menang dengan majoriti 118

²⁶ Keputusan pilihanraya kecil Dun Semerak 1997 menunjukkan BN menang dengan majoriti 778

keadaan pilihanraya Dun Pengkalan Pasir Daerah Pasir Mas tahun 2006²⁷ yang sebelum ini memihak kepada PAS tetapi memihak pula kepada BN. Penanda yang terakhir ialah Keputusan pilihanraya Dun Manik Urai tahun 2009²⁸ yang kembali memihak kepada PAS. Nampaknya rakyat Kelantan sentiasa berubah-ubah dalam menentukan pendirian politik mereka dalam memilih parti dan juga pemimpin mereka.

Persoalannya mengapa rakyat Kelantan sentiasa berubah-ubah dalam menentukan pendirian politik. Ini menunjukkan sikap keterbukaan rakyat Kelantan khususnya daerah Pasir Mas dalam membuat pemilihan berdasarkan keadaan semasa dan prinsip-prinsip asas Islam dalam memilih pemimpin dan politik. Ia juga ada kaitan dengan sikap pengundi tidak suka dengan sikap pemimpin yang bermuka-muka serta tidak ikhlas dalam sesebuah parti yang mereka bertanding.

Jadi permasalahan ini perlu ditinjau dan diteliti secara objektif. Dengan itu, kajian ke atas pandangan dan penerimaan masyarakat adalah satu keperluan untuk melihat bentuk pemikiran yang terhasil daripada pemahaman mereka tentang hukum syarak sama ada mereka memilih pemimpin mengikut hukum syarak atau sebaliknya.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti tahap pertimbangan hukum syarak di kalangan masyarakat Pasir Mas dalam menentukan pendirian politik.

²⁷ Keputusan pilihanraya kecil Dun Pengkalan Pasir 2006 menunjukkan BN menang dengan majoriti 134

²⁸ Keputusan pilihanraya kecil Dun Manik Urai 2006 menunjukkan PAS menang dengan majoriti 65

2. Mengenalpasti faktor kefahaman terhadap politik berdasarkan umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pengajian.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah:

1. Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Kefahaman Politik Mengikut Mengikut Latarbelakang Responden
2. Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Penentuan Parti Politik Menurut Islam Mengikut Latarbelakang Responden
3. Terdapat Perbezaan Pandangan Masyarakat Pasir Mas Tentang Syarat-syarat Untuk Menjadi Pemeimpin dalam Parti Menurut Islam Mengikut Jantina, Sektor Pekerjaan, Taraf Pendidikan dan Aliran Pengajian

1.7 Skop Kajian

Kajian ini adalah menjurus kepada teori dan praktis pertimbangan hukum syarak dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan dalam membuat pendirian politik. Persoalan teori yang dikaji oleh penyelidik adalah mengenai hukum syarak dan pandangan masyarakat Islam di daerah Pasir Mas Kelantan. Bagi memahami tentang pertimbangan hukum syarak dalam kalangan masyarakat Islam di daerah Pasir Mas Kelantan dalam membuat pendirian politik, kajian secara lapangan dilakukan dengan memilih daerah di Pasir Mas Kelantan sebagai tempat kajian.

Kelantan dipilih sebagai tempat kajian kerana berlaku pergolakan antara PAS dan UMNO²⁹. Pernah berlaku isu kafir mengkafir³⁰ dengan mengatakan: politik suku, agama suku di sekitar tahun 90-an. Pemerintahan kerajaan Kelantan juga sering bertukar ganti pemerintahannya³¹. Tujuan kajian ini dibuat kerana kegiatan politik bercorak Islam lebih terserlah dengan selogan “*Kepimpinan Bersama Ulama*”³² serta *Membangun Bersama Islam*.³³ Manakala kajian untuk pertimbangan hukum syarak di kalangan masyarakat Islam di daerah Pasir Mas Kelantan dalam membuat pendirian politik, dipilih di kalangan lelaki dan wanita yang berusia 21 tahun ke atas. Pemilihan ini dibuat berdasarkan umur yang layak bagi rakyat Malaysia menyertai parti politik. Responden dipilih secara rambang samada mereka bergiat atau tidak dalam parti politik. Pemilihan Pasir Mas sebagai lokasi kajian memandangkan Pasir Mas merupakan tempat kelahiran penulis dan dengan itu akan memudahkan proses kutipan data. Selain itu, Pasir Mas juga mempunyai pondok-pondok pengajian agama seperti pondok lemal, pondok lubuk tapah dan lain-lain. Dengan adanya pusat-pusat pengajian agama ini, penulis ingin mengetahui sejauhmana pandangan masyarakat pasir Mas yang dikelilingi oleh pusat pengajian agama ini memilih pemimpin mereka.

²⁹ Yahya Daud (1977), *Krisis Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif

³⁰ Wan Zahidi Wan Teh (2003), Risalah Isu Semasa “*Pelaksanaan Siasah Syar’yyah dalam Pentadbiran Kerajaan*”, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 36.

³¹ PAS sebenarnya telah menguasai Kelantan sejak 1959 sebelum kalah di tangan BN dalam tahun 1978, sila rujuk tulisan Muhammad Agus Yusoff “*Pilihanraya 1990, mengapa rakyat Kelantan menolak BN Perkembangan dan perubahan Sosial-politik Kelantan 1955-1999*”, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

³² Sila rujuk kertas kerja pembentangan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Haji Abdul Halim Abdul Rahman bertajuk “*Kelantan Membangun Bersama Islam*”, sempena simposium Perdana Membangun Bersama Islam pada 23 Oktober 2000. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Video CD “*Temuramah Eksklusif bersama YAB Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Nik Mat sempena 10 tahun pemerintahan PAS negeri Kelantan di bawah pimpinan Ulama*” 21 Oktober 2000, terbitan Unit Audio Visual Lujnah Penerangan dan Dakwah Badan Perhubungan PAS negeri Kelantan.

³³ Mansur Daud (2000), “Keutamaan Kepada Pendidikan Islam”, dalam *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam: Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, h.87 lihat juga Zainuddin Awang hamat et. al. (2000), Solat Sebagai Instrumen Pentadbiran dalam *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam: Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik

1.8 Sorotan Kajian Lepas

Kebanyakan kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu adalah berkenaan dengan konsep politik dalam Islam dan hukum politik. Kajian-kajian lapangan berkenaan dengan pemilihan parti politik kurang dijalankan. Apatah lagi kajian berkenaan pemilihan parti politik menurut Islam. Namun begitu, walaupun kurangnya kajian lapangan berkenaan dengan pemilihan parti, kajian-kajian berkenaan dengan konsep parti politik dan hukum berpolitik sebagaimana yang telah ditulis oleh penyelidik-penyelidik terdahulu boleh dijadikan landasan teori kepada kajian ini. Contohnya, terdapat banyak buku yang berkaitan dengan politik seperti *“Politik Menurut Perspektif Islam (1998)”*³⁴ karangan Lukman Thaib. Beliau mengemukakan pendapat tentang kesatuan yang terjalin tentang idea, pemikiran, doktrin dan konsep tentang kewujudan institusi negara. Dari segi falsafah pemikiran politik barat berbeza dengan politik Islam yang memisahkan antara politik dengan agama. Sedangkan politik Islam bertunjangkan wahyu dengan akal yang telah dijayakan oleh pemikir-pemikir Islam pada zaman silang. Pemikiran politik Islam zaman lampau mempunyai dua fasa iaitu pertama; fasa yang berorientasikan syariah dan kedua; fasa yang berorientasikan falsafah yang didokong oleh sarjana masing-masing. Seterusnya buku Dr. Yusuf al-Qaradhawi *“Min Fiqh al-Daulah fī al-Islām”*³⁵. Buku ini membahaskan bahawa perbincangan Fiqh Daulah dalam perspektif Islam masih lagi jarang dibincangkan. Akibatnya terjadi ketidakseimbangan antara undang-undang politik dengan hukum-hukum syariat, selain kerana kurang minat para fukaha’ dahulu dan sekarang menampilkan manhaj syariat yang lengkap. Akibatnya lahir golongan yang takut pada Islam sama ada dari kelompok sekular mahupun orientalis, yang selalu menghentam

³⁴ Lukman Thaib (2001) *Politik Menurut Perspektif Islam*, c. 2, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.

³⁵ al-Qaradāwī, Yūsoff (2001), *Min Fiqh al-Daulah fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Shurūq

Islam dan meletakkannya hanya di sudut-sudut masjid sahaja. Beliau menampilkan wajah Fiqh Daulah yang dikenali dengan istilah “Islam Moderat”³⁶.

Buku karangan Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus” ***Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam.***³⁷ Buku ini mengandungi sepuluh pekarang yang membahaskan perihal pemimpin manusia dalam dakwah dan politik bertujuan mengangkat martabat dan kemuliaan insan. Panduan dari Piagam Madinah sehinggalah kepada realiti politik semasa. Buku seterusnya adalah karangan Mustafa Haji Daud ***“Pemikiran Politik dan Ekonomi al-Maududi***³⁸. Beliau menyentuh tentang teori politik Islam, konsep politik Islam, prinsip umum Islam dalam masalah politik dan sebagainya. Beliau juga menyentuh asas dan hakikat Negara Islam, struktur negara Islam dan perlembagaan Islam. Buku Syeikh ‘Abdul Wahāb Khallāf ***“al-Siyāsah al-Syar‘iyyah”***³⁹. Buku ini pula menekankan pembicaraan tentang tiga masalah pokok mengenai undang-undang Islam iaitu masalah *tashri’* yakni kuasa membuat undang-undang, masalah *qada’* yakni kuasa mengawasi undang-undang dan masalah *tanfiz* yakni kuasa melaksanakan undang-undang Islam. Ianya bermula sejak dari masa pertumbuhan undang-undang Islam, meliputi zaman Nabi SAW, sahabat, tabi‘in’ dan seterusnya bagaimana ia berkembang dari satu zaman ke zaman yang lain. Buku karangan Ahmad Atory Hussain ***“Dari Beratakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000”***⁴⁰. Penulis menyatakan konsep-konsep politik, erti politik pembangunan dalam konteks Malaysia, budaya politik, perkembangan politik tanahair khususnya UMNO dan kepimpinannya, acara bagaimana UMNO berpolitik serta

³⁶ *Ibid.*,

³⁷ Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (1999), *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*, c. 1, Jabatan Dakwah & Kepimpinan UKM.

³⁸ Mustafa Haji Daud (1989) *Pemikiran Politik dan Ekonomi Al-Maududi*, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

³⁹ ‘Abdul Wahhāb Khallāf (1987), *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, Beirut: Muassasah al-‘Arabiyyah.

⁴⁰ Ahmad Atory Hussain (1998), *Dari Beratakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000*, c. 1, Kuala Lumpur: Utusan Publication

masalah dan isu-isu dalam politik serta kesan dalam masa 10 tahun. Drs Abdul Ghani Haji Idris "*Bagaimana Islam Berpolitik dan Memerintah.*"⁴¹ Politik selalunya digambarkan sebagai sesuatu yang kotor, perebutan kuasa melalui 1001 macam cara yang berlawanan dengan moral, etika dan agama. Oleh itu, ianya tidak boleh dicampur adukan dengan agama, jika hendak berpolitik tinggalkan agama. Suasana di Malaysia ramai yang berpolitik berselindung di sebalik agama. Pendapat fuqaha sudah dikira usang dan tidak sesuai dengan zaman sekarang yang serba canggih ini.⁴² Untuk menentukan konsepsi politik Islam yang lebih adil dan sempurna akan memakan masa kerana bukan sahaja berdepan dengan musuh-musuh Islam malah orang-orang Islam sendiri hati, budi dan fikrahnya bukan Islam.

Semua buku-buku tersebut memberi ulasan tentang politik dari segi prinsip politik Islam dan barat serta ciri-ciri politik Islam yang sebenar namun tidak menyentuh persoalan yang dikaji oleh penulis iaitu penentuan berpolitik.

Di antara disertasi dan kajian Ilmiah yang membincangkan tentang berkaitan dengan politik ialah kajian ilmiah Mohd Adlin bin Salleh "*Sekularisme dalam Politik: Satu Kajian Perspektif Islam*"⁴³. Pengkaji menyatakan bahawa politik dalam Islam bukan bermatlamatkan kuasa tetapi ianya satu amanah untuk memimpin umat bagi kesejahteraan di dunia dan akhirat serta politik sekular tidak menahan agama secara total ianya diterima jika tidak menggugatkan politik serta dikawal. Disertasi Mohammad Paisol bin Mat Isa "*Jihad Politik: Satu Analisis Pemikiran Said Hawa*"⁴⁴. Pengkaji menyatakan hukum jihad sebagai fardu Kifayah dan fardu Ain mengikut

⁴¹ Drs. Abdul Ghani Haji Idris (1999) *Bagaimana Islam Berpolitik dan Memerintah*, c. 1, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers

⁴² *Ibid.*

⁴³ Mohd Adlin bin Saleh (1999), *Sekularisme dalam Politik: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam*, Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁴⁴ Mohammad Paisol bin Mat Isa (2000), *Jihad Politik: Satu Analisis Pemikiran Said Hawa*, Disertasi Sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

keadaan. Seterusnya penyertaan dalam parti politik berteraskan Islam dalam pilihanraya adalah wajib, kerana ianya cara yang paling sesuai pada zaman kini dan tertegaknya Islam adalah melalui jihad politik.

Disertasi Mohd Abd Basir bin Alias "*Pemikiran Politik Sekular di Malaysia: Satu kajian Terhadap Respon Pemikiran Islam Semasa.*"⁴⁵ Islam dan politik tidak dapat dipisahkan dan sekularisme adalah bertujuan untuk mengasingkan antara rohani dan jasmani seterusnya segala kerja untuk kebaikan dikira ibadat. Manakala Disertasi Nurulhadi bin Mohamad "*Tan Sri Dato' Mohd Asri bin Hj Muda: Penglibatannya dalam Politik Malaysia*"⁴⁶. Pengkaji menyatakan sejarah perjuangan Mohamad Asri dalam politik, merupakan ketua pembangkang yang pertama di Parlimen dan pemimpin yang paling lama menerajui PAS juga merupakan pembangkang yang pro kepada Dr. Mahathir Mohamad. Ia juga menggabungkan fahaman Islam dengan fahaman kebangsaan dan akhirnya menyertai UMNO.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting bagi mengetahui pendapat yang lebih tepat dan sesuai dengan suasana masa kini tentang pertimbangan hukum syarak dalam kalangan masyarakat Islam dalam menentukan pendirian politik. Hasil kajian ini dijangka dapat memberi manfaat kepada masyarakat Kelantan amnya dan masyarakat Pasir Mas khususnya tentang sistem pentadbiran Islam. Hasil kajian ini sangat penting kerana ia menjadi ukuran sejauhmana masyarakat Islam menjadikan hukum syarak sebagai panduan hidup

⁴⁵ Mohd Abd Basir Bin Alias, *Pemikiran Politik Sekular di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Respon Pemikiran Islam Semasa*, Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴⁶ Nurulhadi bin Mohamad (2006), *Tan Sri Dato' Mohd Asri bin Hj Muda: Penglibatannya dalam Politik Malaysia*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosal, Universiti Malaya.

dalam menentukan pendirian politik. Hasil kajian juga dijangka boleh dijadikan panduan kepada umat Islam semasa khususnya di Malaysia untuk memahami hukum syarak dan konsep politik Islam. Ia juga membantu menambahkan bahan kajian dalam bidang politik islam.

1.10 Tempat kajian

1.10.1 Lokasi

Dalam penyelidikan ini, penulis hanya menumpukan kajian terhadap sebuah masyarakat Islam di daerah Pasir Mas iaitu tempat tinggal penulis. Pasir Mas merupakan salah sebuah daerah daripada 10 jajahan yang terdapat dalam Negeri Kelantan. Ianya terletak bersempadanan dengan Jajahan Kota Bharu di sebelah timurnya dan Jajahan Tumpat di sebelah Utaranya. Ia juga bersempadan dengan Negara Thailand di sebelah Barat dan di sebelah Selatan bersempadan dengan Jajahan Tanah Merah. Seluas 3.9 Peratus keluasan Negeri Kelantan adalah keluasan Jajahan Pasir Mas atau 57,800 hektar.

Sebelum daerah Pasir Mas diwujudkan ia merupakan sebahagian daripada Jajahan Kota Bharu. Walau bagaimanapun, setelah dipersetujui bersama, daerah Pasir Mas telah diasingkan pada tahun 1918 dan diletakkan di bawah pentadbiran sendiri di bawah Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas.

1.10.2 Topografi

Hampir 85 peratus daripada keluasan daerah Pasir Mas adalah terdiri daripada kawasan tanah rata. 15 peratus daerah Pasir Mas adalah rendah dan berpaya. Hampir keseluruhan daerah Pasir Mas yang seluas 577.52 KM persegi ini sudah di terokai dan didiami oleh

penduduk. Biasanya tanah di daerah Pasir Mas di tanam dengan jenis tanaman pertanian seperti padi, getah dusun, sayur-sayuran dan sebagainya.

1.10.3 Keluasan

Daerah Pasir Mas meliputi kawasan seluas 577.52 km persegi. Manakala seluas 139 km persegi terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Pasir Mas. Kawasan di luar Penguasa Tempatan ialah seluas 438.52 km persegi. Pasir Mas terbahagi kepada 10 Daerah, 48 Mukim Tanah dan 83 Mukim Penghulu. Keluasan mengikut daerah adalah seperti jadual 1.1, yang mana menerangkan pecahan keluasan mengikut daerah dan mukim-mukim yang terdapat di dalam daerah Pasir Mas.

Jadual 1.1 : Pecahan Keluasan Mengikut Daerah dan Mukim-mukim Jajahan Pasir Mas

Bil	Daerah Penggawa	Bil. Mukim Tanah	Bil. Mukim Penghulu	Luas (K.P.M)	% Keluasan
1.	Alor Pasir	4	6	38.56	6.68
2.	Kubang Gadong	8	13	55.86	9.67
3.	Rantau Panjang	4	6	93.37	16.16
4.	Gual Periook	3	9	118.74	20.56
5.	Kangkong	5	10	108.80	18.84
6.	Chetok	3	6	45.79	7.93
7.	Bunut Susu	9	11	38.43	6.65
8.	Kubang Sepat	5	9	21.71	3.76
9.	Pasir Mas	3	7	23.71	4.11
10.	Kuala Lemal	4	6	32.55	5.64

Daerah Pasir Mas dan Daerah Rantau Panjang adalah dua kawasan yang menjadi tumpuan utama penempatan penduduk di Jajahan Pasir Mas. Dua kawasan ini menjadi tumpuan kerana ianya merupakan pusat perniagaan di mana terdapatnya pejabat-pejabat Kerajaan, Swasta dan juga pelbagai kemudahan-kemudahan lain di sekitarnya.

Manakala penempatan di daerah-daerah lain kebanyakannya bertaburan berdasarkan kepada faktor-faktor ekonomi dan sosial yang terdapat di kawasan tersebut.

1.11 Organisasi Kajian

Bab pertama menghuraikan hala tuju kajian, bentuk dan cara-cara menjalankan kajian ini. Ia menjelaskan latarbelakang kajian dan permasalahan kajian. Bab ini menetapkan objektif kajian, skop perbincangan dan juga sorotan kajian yang lepas. Bab ini di akhiri dengan penjelasan secara ringkas tentang susunan bab dan isi perbincangannya.

Bab kedua pula merupakan perbincangan khusus tentang kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini iaitu sistem pemerintahan Islam yang meliputi huraian dari segi pengertian pemerintahan Islam dan pemakaiannya di kalangan para ulama' dan sarjana Islam sepanjang zaman.

Bab ketiga membincangkan kaedah penyelidikan yang dijalankan. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kuantitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah borang soalselidik.

Bab keempat pula membincangkan dapatan kajian yang telah dijalankan iaitu penerimaan masyarakat yang berada di Pasir Mas terhadap konsep pemerintahan Islam. Bab ini dimulakan dengan menjelaskan latarbelakang responden, kemudian diikuti dengan analisis tahap penerimaan responden sistem pemerintahan Islam. Daripada analisis ini dapat ditentukan tahap penerimaan masyarakat terhadap sistem pemerintahan Islam dalam menentukan pendirian politik.

Bab kelima merupakan bahagian terakhir analisis terhadap data kajian lapangan. Ia menganalisis perhubungan dan perbezaan antara penerimaan masyarakat terhadap terhadap sistem pemerintahan Islam. Melalui bab ini, analisis ditumpukan untuk melihat sejauhmana perhubungan dan perbezaan yang wujud antara latarbelakang responden dan penerimaan mereka terhadap terhadap sistem pemerintahan Islam. Latarbelakang yang digunakan ialah umur, status, pekerjaan, tahap pendidikan dan aliran pengajian.